

Gesa naik taraf sungai

BATU CAVES - Tiga jambatan yang terjejas akibat hujan lebat awal bulan lalu terlibat dalam projek naik taraf sungai di bawah 'River of Life' (ROL).

Adun Batu Caves, Amirudin Shari berkata, Oktober lalu pihaknya mengumumkan akan mengeluarkan peruntukan menaik taraf jambatan terletak di Sungai Batu yang digunakan lebih 10 tahun.

Bagaimanapun menurutnya, hasil rujukannya dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) memaklumkan projek itu bertindan dengan ROL.

"Lantikan kontraktor, jambatan bermasalah telah dikenal pasti namun dimaklumkan ketiga-tiga jambatan itu terlibat dalam kerja naik taraf di bawah ROL.

"Kita mengalu-alukan peruntukan yang dikeluarkan Kerajaan Pusat namun berharap projek itu dapat disegerakan untuk memudahkan orang awam," katanya.

Beliau berkata, pihaknya akan merujuk status perkembangan projek dengan JPS dan mendesak projek disegerakan sekurang-kurang-

“Lantikan kontraktor, jambatan bermasalah telah dikenal pasti namun dimaklumkan ketiga-tiga jambatan itu terlibat dalam kerja naik taraf di bawah ROL.”

Amirudin

nya siap sebelum naik sesi persekolahan.

"Sebanyak tiga jambatan bermasalah dikenal pasti iaitu dari Kg Nakhoda ke Wira Damai yang runtuh dirempuh arus deras, jambatan Kota Laksamana ke Wira Damai yang tanahnya semakin menapad dan Puteri Laksamana.

"Jambatan rosak akibat dirempuh arus itu menjejaskan aktiviti seharian penduduk Kg Nakhoda yang perlu berjalan jauh untuk ke Wira Damai tidak kurang yang mengambil risiko dengan menyeberang sungai menggunakan titi," katanya ketika diminta mengulas aduan penduduk yang memohon campur tangan daripada pihak berkaitan menyelesaikan masalah mereka yang sukar menyeberang sungai dari Kg Nakhoda ke Wira Damai sejak jambatan asal runtuh dirempuh arus deras.

Penduduk mendakwa, beberapa orang awam mengambil risiko meredah sungai menggunakan titi iaitu rangka struktur jambatan yang runtuh.

Manakala mereka yang bermotosikal pula perlu bergerak sejauh satu kilometer untuk ke Wira Damai.

Keadaan tersebut juga turut menjejaskan pendapatan peniaga di kawasan berkenaan.

Sementara itu Jurutera Daerah, Ir Mohd Fuad Buang berkata, projek naik taraf melibatkan jajaran Sungai Batu dalam proses pembinaan dan dijadualkan siap menjelang Mac tahun depan.

Katanya, projek tersebut mula dijalankan pada April lalu dengan mengambil kira proses naik taraf sungai sebagai mengatasi masalah berulang membabitkan banjir dan kelancaran aliran air.